




Selamat hari jadi, selamat hari jadi..  
selamat hari jadi.. YS PPjB Khruddin Bin Drahman



Jeng.. jeng.. jeng..  
Cuba teka siapakah aku?  
Akulah pocongman.  
Eh, poco-pocoman..  
Ehh! ape-ape jelah..



Sampai hati aku yg 'slim' river  
ni korang suruh bawak byk2  
barang. Ingat aku ni  
jentera SCANIA apa?!



Cepat! Cepat! Siapa sampai dulu  
Puteri Duyong dia yg punya!  
Tak boleh, Puteri tu aku yg punya!  
Tak aku yg punya!  
Ahh. semua pon tak dpt Puteri tu  
'Ahmad Albab' yg punya!



Tuan, sign dekat sini tuan.  
Eh, tuan la sign. Tuan laa..  
Tuan la sign.  
Eh, betul- betul laa...



Aii, sejak gaji naik ni muka berseri2  
nampak! Tak nak tambah sorang lagi ke?  
Dokk ahhh.. Sorang pon dah  
cukup! Tu la buah hati jantung  
pisang saya!

PERTANDINGAN  
KAWAD KECEKAPAN  
OPERASI KEBOMBAAN  
2007




AKADEMI BOMBA  
DAN PENYELAMAT  
MALAYSIA

Bil. 3 ( 26 Julai 2007 )

Kemeriah dan kerancakan pertandingan kawad Kecekapan Operasi kebombaan pada hari kedua ini telah diserikan lagi dengan lawatan singkat oleh YAS Dato' wan Mohd Nor Bin Haji Ibrahim Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebombaan 2007. Sepanjang lawatan YAS Dato' TKP telah diberi taklimat yang lengkap oleh YS Komandan PPPjB Nordin Bin Pauzi berkaitan dengan perjalanan pertandingan yang sedang berlangsung. Beliau sendiri telah meninjau lokasi pertandingan secara dekat di samping berkesempatan bertemu dan berinteraksi dengan wasit, para pengadil dan petugas pertandingan. Lawatan singkat dan tinjauan secara keseluruhan ke tempat pertandingan telah memberikan gambaran jelas tentang keprihatinan YAS Dato' terhadap pelaksanaan pertandingan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Lawatan ini sungguh bermakna kepada semua kontingen kerana ianya memberikan suntikan semangat bagi setiap anggota untuk berjuang memamerkan persembahan yang terbaik di dalam acara yang disertai. Seluruh warga PKK 2007 begitu bangga dengan kehadiran YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) kerana komitmen dan penglibatan beliau untuk memastikan keberkesaan pelaksanaan pertandingan dan pengendalian sistem pengadilan pertandingan yang cukup memuaskan



## Lawatan YAS Dato' Wan Ke Lokasi PKK 2007

Dalam pertemuan dan perbincangan dengan YS Komandan Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengelola serta Ahli Jawatankuasa Pengelola PKK 2007, antara lain beliau telah menekankan bahawa Pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebombaan perlu dilihat sebagai peluang untuk memantau dan menilai keberkesaan dari segi pelaksanaan operasi seperti di dalam insiden sebenar. Selain dari itu, penilaian terhadap prosedur pengoperasian piawai (Standard Operating Procedure – SOP) yang digunakan dalam jabatan dapat ditentukan samada ianya perlu dikaji semula berdasarkan kehendak semasa dan piawaian yang terbaru. Pertandingan ini juga menurut beliau, boleh dijadikan asas untuk melihat sejauh mana keberkesaan operasi kebombaan yang diamalkan dan memastikan strategi –strategi operasi kebombaan sentiasa dikemaskini dan dimantapkan. Beliau juga turut menekankan bahawa pertandingan ini boleh digunakan untuk menilai kesesuaian dan keberkesaan penggunaan alat-alat yang digunakan dalam operasi kebombaan selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa. Selain dari itu, beliau menyentuh tentang keperluan untuk mendapatkan maklumbalas daripada semua anggota kontingen dari segi kualiti peralatan dan masalah yang dihadapi semasa digunakan di dalam operasi sebenar di tempat kejadian. Perkara ini sangat penting untuk memastikan samada peralatan-peralatan operasi yang sedia ada dapat digunakan secara optima atau perlu dipertingkatkan untuk kegunaan operasi kebombaan dan penyelamatan.



Coretan



Ketua Editor

Salam Sejahtera dan salam hormat,

Pertembungan pada hari ketiga PKK 2007, menjanjikan persaingan yang lebih sengit dan penuh dramatik kerana setiap kontinen mempunyai peluang yang sama untuk muncul juara bagi mana-mana acara yang dipertandingkan. Catatan sejarah membuktikan bahawa pemenang acara tidak boleh diukur dari pencapaian yang lepas. Kontinen Bumi Kenyalang membuktikan bahawa usaha gigih, kerja keras, kerjasama kumpulan dan komitmen yang tinggi di kalangan anggota pasukan pasti membawa kejayaan yang cemerlang. Inilah keunikan PKK 2007 kerana semua anggota bomba adalah juara! Cuma perbezaan utama yang memisahkan pemenang dalam penyertaan adalah disiplin yang tinggi, minda yang positif, kesetiaan kepada arahan ketua, sikap tidak mudah mengalah dan sifat mementingkan kejayaan pasukan berbanding kepentingan individu.

Kekuatan fizikal, ketangkasan, kemahiran tinggi dan keteguhan mental setiap angota bomba merupakan aset yang terpenting di dalam jabatan dalam usaha jabatan untuk memberikan perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan kepada pelanggan dan masyarakat umum. Jabatan kita begitu komited dan konsisten dalam pelaksanaan program atau aktiviti yang bertujuan mempertingkatkan kemahiran dan memantapkan tahap profesionalisme dan kualiti perkhidmatan pegawai dan anggota bomba selaras dengan Visi dan Misi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Perjuangan harus diteruskan untuk kecemerlangan jabatan...

#### WAKTU SOLAT DAERAH MARANG, TERENGGANU

26 Julai 2007 (Selasa) / 11 Rejab 1428H

"Dan dirikanlah olehmu solat, kerana sesungguhnya solat itu dapat mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar"  
(Al Ankabut : 45)

Subuh	Syuruk	Zohor	Asar	Magrib	Isyak'
5.42	7.03	1.16	4.38	7.26	8.40

\* Peringatan \*

Forum Perdana Malam ini

9.00 mln di Auditorium

#### Sidang Redaksi

Penaung  
PPjb Nordin Bin Pauzi

Penasihat  
PgKB Norazam Bin Khamis

Ketua Editor  
PgB Jupirik Bin Apou

Editor  
PPjb Mohd Sabri Bin Ismail  
PBIII Thoyyibah Binti Taib  
PB Mohd Azam bin Mohd Noor

Reka Bentuk Grafik  
PB III Thoyyibah Taib  
PB Mohd Azam Bin Mohd Noor

Fotografi  
PB Raja Arisan Sahseni  
PB Rassyidee Bin Che Bebakar,  
PB Hairul Nizam Bin Mohd Noh  
PB Norashid bin Mamat  
PB Zulkarnaim bin Abd. Karim  
Pembantu Sidang Redaksi :  
Pelatih Siri 1&2/2007

#### 5 SINDIKET PERANCANGAN / STRATEGI TAKTIK OPERASI (TABLE TOP)



Hari ini adalah hari kedua pertandingan yang menjadi hari pembuka kepada kerancakan pelbagai pertandingan kawad kecekapan 2007, *Table Top* mengambil tempat sebagai satu pertandingan penuh dan padat dengan nilai-nilai akademik dan unsur-unsur strategik. Di mana setiap pasukan menghantar peserta yang paling pakar dan terhandal yang memerlukan kefahaman mendalam berkaitan sistem pengurusan kecemasan, organisasi di tempat bencana, kebijaksanaan mengatur strategi, kecekapan melaksanakan tindakan dan pelbagai lagi kemahiran yang berkaitan pengurusan kecemasan.

Senario kecemasan yang disuntik masuk sepanjang pertandingan telah menjadikan keadaan bencana semakin kompleks. Peranan Insiden Komander menjadi cukup penting dan kebolehan menguasai keadaan dan kemampuan membuat keputusan yang tepat dalam yang singkat banyak membantu kejayaan operasi.

Sesungguhnya *Table Top* ini mampu menguji keilmuan para peserta. Aktiviti ini amat diyakini sebagai langkah terbaik untuk melahirkan pegawai yang sentiasa bersedia untuk "Take Command" dalam menghadapi situasi sebenar.

Bilik gerakan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, sekali lagi menerima kehadiran peserta pertandingan *Table Top* dengan pasukan Pertama dari negeri Perak memulakan persaingan dihari pertama acara dimulakan. Acara pertandingan ini diadili oleh ketua Pengadil PgB Wan Mohamad Zaidi Bin Wan Isa dan turut dipantau oleh YS PPjb Zainuddin Bin Md. Alip yang bertindak sebagai Wasit.





## KAWAD OPERASI MENYELAMAT DI AIR

Pengajaran Dari Tasik Puteri , Bukit Besi.



Aktiviti menyelam memang tinggi risikonya, apatah lagi kaedah yang digunakan tidak mengikut peraturan yang betul yang boleh terdedah kepada kemalangan. Kemalangan yang berlaku boleh disebabkan banyak perkara antara lainnya kecuaian penyelam, peralatan gagal berfungsi, persekitaran yang berisiko, kegagalan mematuhi sistem kerja dan sebagainya.

Kawad Operasi Menyelamat hari ini digemparkan dengan kes kemalangan yang terjadi ke atas penyelam dari kontinjen Negeri Kedah yang hampir kelemasaan. Pertandingan tersebut terpaksa dihentikan kerana penyelam berkenaan tidak mampu meneruskan aktiviti seterusnya. Ekoran dari itu 'post-mortem' khas telah diadakan pada jam 9.00 malam yang telah dipengerusikan oleh YS Komandan dan 13 orang pengadil Acara Menyelamat di Air termasuk Tn. Nazili Mahmood selaku Pengerusi Pengadil. Ketika diminta mengulas keputusan post-mortem tersebut, YS Komandan memaklumkan punca kejadian ini lebih cenderung kepada kegagalan mematuhi peraturan selain daripada lampau letih penyelam. Menjawab pertanyaan sama ada kes tersebut melibatkan '*decompression sickness*' (DCS), YS Komandan memaklumkan bahawa kebarangkalian untuk berlaku DCS adalah amat kecil memandangkan kedalaman menyelam yang kurang dari 30 kaki dan tempoh selaman yang singkat. Tambah beliau, DCS kebiasaannya berlaku apabila penyelam timbul di permukaan air dengan cepat dari selaman yang dalam dan lama (long & deep dive), di mana telah terjadi perubahan yang besar dan mendadak terhadap tekanan dalam badan penyelamat dengan tekanan di persekitaran.

Semoga kejadian ini akan menjadi pengajaran kepada semua anggota penyelam agar sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan dan sentiasa mengutamakan keselamatan diri dalam apa jua tindakan yang dilaksanakan.



## KAWAD OPERASI MENYELAMAT MENURUN MANGSA



Acara yang lumrahnya menyajikan aksi-aksi dan adegan-adegan dramatik dan cemas dimana peserta terpaksa melakukan beberapa aksi pantas yang merangkumi menurunkan tangga dari jentera, membawa tangga ke tepi bangunan, memakai BA, mendirikan tangga, menegakkan tangga, memanjat menaiki tangga, membawa mangsa menuruni tangga, membawa mangsa ke tempat selamat, menurunkan tangga dan meletakkan tangga kembali di atas jentera, tindakan dan gerak kerja ini perlu dilakukan oleh peserta-peserta mengikut peranan yang ditetapkan. Sebarang kesilapan dalam gerak kerja dan tindakan bukan sahaja menjelaskan catatan masa bagi pasukan malah membahayakan keselamatan anggota pasukan. Oleh itu aspek keselamatan tetap diutamakan dalam acara ini.

Pertandingan Kawad Operasi Menyelamat Menurunkan Mangsa pada hari ini telah berjalan dengan lancar dan 15 pasukan telah menamatkan persaingan mereka. Bermula dengan negeri Perak dan berakhir dengan pasukan Wilayah Persekutuan Labuan. Apa yang menarik perhatian, kecekapan dan ketangkasan peserta jelas di mana setiap pasukan mengambil masa yang pantas walaupun terdapat pasukan yang terpaksa melakukan dua kali percubaan iaitu Negeri Perak akibat masalah teknikal.

Menurut PgB Mohamed Azmi Bin Ismail yang juga bertindak sebagai ketua pengadil, pertandingan pada kali ini dapat dilaksanakan dengan sempurna disebabkan oleh pengurusan yang cekap dan ditambah dengan kurangnya bantahan. Hasil daripada perbincangan dengan ketua kontinjen negeri, Jawatankuasa Teknikal dan pandangan daripada PPjB Saadon bin Mokhtar, yang bertindak sebagai

Wasit bersetuju untuk meneruskan pertandingan pasukan yang bertanding pada keesokan harinya. Secara keseluruhannya, pertandingan ini telah berjalan dengan meriah dan mendapat sokongan yang padu daripada semua peserta.




**2**

## Kawad Operasi Hantaran Jauh Berhalangan

Pancutan pertama yang dikeluarkan di aliran pertama tentunya memberikan kelegaan kepada 'Nozzelman' dan 'Pump operator'. Pancutan air di nozzle akan meningkatkan lagi keyakinan dan semangat untuk memadamkan kebakaran dengan lebih pantas. Kepantasan dan kecekapan yang ditunjukkan banyak dipengaruhi oleh prestasi dan kemahiran mengendalikan pam samada Pam Jentera ataupun Pam Angkut disamping persefahaman serta kebijaksanan berkomunikasi antara ahli pasukan.

Aksi Kawad ini lebih mirip kepada situasi sebenar operasi pemadam api semasa kejadian. Sebanyak 9 pasukan telah menyudahkan persaingan mereka pada hari ini. Pasukan negeri Terengganu merupakan pasukan yang pertama memulakan aksi manakala pasukan yang terakhir beraksi pada hari ini pasukan negeri Kelantan. Kebanyakan pasukan bertanding pada hari ini menunjukkan mutu persembahan yang dibanggakan.

Ketua pengadil bagi pertandingan ini ialah PgKB Awang Hidzel Bin Awang Bujang manakala PgKB Zuraidah binti Latip bertindak sebagai wasit.

**3**

## Kawad Operasi Penyelamatan Kemalangan Jalan Raya

Kita tidak pernah menginginkan sesuatu kecelakaan terjadi kepada kita tetapi sekiranya terjadi – apa yang dapat kita lakukan? Apabila ianya benar-benar terjadi apakah harapan kita kepada mereka yang datang untuk menyelamatkan kita?, Apa agaknya perasaan kita apabila melihat ada pasukan bomba datang untuk menyelamatkan kita? Dan setingga manakah keyakinan kita kepada kecekapan dan kredibiliti anggota bomba dan penyelamat yang datang menyelamatkan kita atau mungkin kita hanya pasrah dan berserah. Demikianlah antara beberapa persoalan yang mungkin timbul dalam fikiran mangsa kemalangan yang mungkin tiada siapa yang tahu dan tiada siapa yang peduli. Maka langkah Jabatan menjadikan kawad ini sebagai satu acara pertandingan amat bertepatan dengan kehendak dan keperluan semua. Jabatan ini sentiasa memberikan latihan kepada semua anggota agar terlatih, berpengetahuan dan profesional.

Pertandingan kawad Operasi Penyelamatan Kemalangan Jalan Raya menyaksikan 9 pasukan telah menyudahkan persaingan mereka dengan dimulai oleh pasukan negeri Selangor. Acara ini diadili oleh PgB Nur Hadi Bin Md. Ibrahim yang bertindak sebagai ketua pengadil manakala PPjB Yusof Bin Sidek bertindak sebagai Wasit. Setiap pasukan bertanding diberi masa 20 minit menyelesaikan operasi penyelamatan.

